

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

2. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk memulakan semula penerbangan langsung dari Chennai (India) ke Pulau Pinang berdasarkan cadangan kerajaan untuk mempunyai lebih banyak penerbangan terus menjelang akhir tahun ini. (The Edge, June 4).

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

2. Laluan penerbangan langsung Chennai, India ke Pulau Pinang mempunyai potensi untuk menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang. Pada Januari 2018, Kerajaan Negeri melalui *Penang Convention & Exhibition Bureau* (PCEB) telah menjalankan kempen promosi di India dan mendapati bahawa terdapat sambutan yang menggalakkan terutamanya bagi *Business Events*. PCEB juga telah mengadakan perbincangan dengan syarikat penerbangan bagi mewujudkan laluan ini. Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha untuk mewujudkan laluan penerbangan langsung Chennai-Pulau Pinang.